

## **LKIM bantu cari bot sewa berpatutan**

2011/02/08

KUALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedia membantu Berita Harian mendapatkan bot dengan harga sewaan berpatutan dalam menjayakan pertandingan memancing kategori Laut Dalam anjuran Unit Joran yang akan berlangsung sepanjang tahun ini.

Jaminan itu diberikan Ketua Pengarahnya, Datuk Mohad Khazin Hamzah ketika pertemuan dengan Pengurus Projek Khas Berita Harian, Mohd Mizal Hasbullah di pejabatnya, di sini, semalam.

Pertemuan sejam itu diatur khas bagi mencari penyelesaian kepada masalah kekurangan bot nelayan memancing untuk kategori laut dalam serta harga sewaan bot yang kerap melambung setiap kali Unit Joran mengadakan acara memancing.

“Kami di LKIM akan memanggil pegawai Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) bersama pengerusinya duduk berbincang bersama penganjur (Berita Harian) dalam masa terdekat ini.

“Mesyuarat ini antara lain akan membincangkan mengenai kadar tetap sewaan bot dan tempahan bot yang diperlukan Berita Harian setiap kali mengadakan kategori Laut Dalam,” katanya.

Beliau berkata, masalah kekurangan bot sesuai untuk menampung bilangan pemancing kategori laut dalam akan selesai jika semua pihak mengadakan perjanjian awal dengan penetapan harga sewaan yang dipersetujui semua pihak.

“Saya pada dasarnya setuju membantu menyelesaikan permasalahan dihadapi penganjur dengan memanggil semua pihak mengadakan mesyuarat dan kemudian semua keputusan boleh dimuktamadkan menerusi satu perjanjian persefahaman,” katanya.

Pertandingan memancing anjuran Unit Joran Berita Harian dijangka bermula dengan Pra GP di Pantai Puteri yang dijadualkan pada 5 dan 6 Mac.

Pusingan GP Joran berikutnya di Sekakap, Mersing pada 30 April dan 1 Mei, diikuti pusingan ketiga di Pekan, Pahang pada 2 dan 3 Julai.

Pusingan terakhir Grand Slam Joran pula akan berlangsung di Kuala Dungun, Terengganu yang dijadualkan berlangsung pada 30 September dan 1 Oktober iaitu selepas umat Islam menyambut Aidilfitri.